

TEKS UCAPAN

YANG BERHORMAT
DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

SEMINAR KEPIMPINAN WANITA LUAR BANDAR
ANJURAN INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA)

28 OGOS 2025 (KHAMIS)
10.30 PAGI

GRAND BALLROOM
PARKROYAL A'FAMOSA MELAKA RESORT

Kemaskini pada 24/8/25

بسم الله الرحمن الرحيم

ASSALAMUALAIKUM W.B.T.

SALAM SEJAHTERA,

SALAM MALAYSIA MADANI, DAN;

SALAM LUAR BANDAR SEJAHTERA.

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DILAMPIRAN)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat bersama-sama pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Seminar Kepimpinan Wanita Luar**

Bandar 2025. Seminar ini bukan sahaja menjadi platform untuk kita berkongsi ilmu dan pengalaman, tetapi juga **sebagai satu langkah penting dalam memperkasakan peranan wanita,** khususnya dalam pembangunan luar bandar.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada **Institut Kemajuan Desa (INFRA)** selaku penganjur program dan pihak Kerajaan Negeri Melaka di atas sokongan serta kerjasama dalam menjayakan seminar yang amat bermakna ini. Satu lagi langkah proaktif bagi mengangkat dan memperkasa kepimpinan wanita luar bandar untuk meningkatkan taraf hidup serta mencapai potensi penuh dalam pelbagai bidang ekonomi dan sosial.

3. Juga berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada para peserta yang hadir dari negeri **Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor** kerana sudi meluangkan masa serta memberi sokongan kepada program ini. **Tema seminar** kita pada hari ini adalah, **"Wanita Inklusif, Desa Progresif",** adalah sangat relevan dalam usaha kita untuk meningkatkan peranan wanita dalam pembangunan negara, terutama di kawasan luar bandar. Saya dimaklumkan bahawa hampir **300 orang peserta hadir hari ini dan saya mohon satu tepukan gemuruh untuk semua!**

4. Komitmen seperti inilah yang kami di Kementerian harapkan dalam usaha menyokong pembangunan luar bandar.

Kehadiran puan-puan dari pelbagai latar belakang **menunjukkan satu petanda jelas** bahawa **kesedaran dan keprihatinan wanita luar bandar semakin meningkat,** serta **sokongan** wanita daripada pelbagai lapisan yang inklusif **ke arah pembangunan luar bandar yang lebih progresif dan berdaya tahan,** selaras dengan tema seminar Wanita Inklusif, Desa Progresif.

ASPIRASI KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)

5. Kita semua sedia maklum, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) **sentiasa berusaha untuk memperkasa wanita luar bandar melalui pelbagai program dan inisiatif.** Salah satu aspirasi

besar KKDW adalah untuk **memastikan bahawa wanita di luar bandar mendapat akses yang sama rata** terhadap **peluang pembangunan, pendidikan dan pekerjaan yang mampan.** Melalui pelaksanaan **Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)**, kita terus memastikan setiap komuniti di luar bandar, termasuk wanita, mendapat sokongan yang sewajarnya dalam usaha untuk memperkasakan peranan wanita dalam pembangunan komuniti.

6. Menyedari peranan penting wanita sebagai tonggak utama dalam pembangunan sosioekonomi keluarga dan masyarakat, **INFRA telah merangka satu modul khas untuk Wanita luar bandar** sebagai salah

satu komponen utama dalam program latihan pemerkasaan komuniti desa.

7. Tahun ini sahaja, INFRA telah melatih **seramai 1,300 peserta yang terdiri daripada Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak di bawah dua (2) program utama berkaitan Wanita. Kita melaksanakan Kursus Pemerkasaan Komuniti Desa: Modul Wanita sebanyak 8 siri yang melibatkan 400 peserta dan 3 Siri Seminar Kepimpinan Wanita Luar Bandar yang melibatkan 900 peserta wanita.**

WANITA SEBAGAI AGEN PERUBAHAN

8. Wanita adalah nadi utama dalam masyarakat, lebih-lebih lagi dalam

pembangunan luar bandar. Peranan wanita bukan sahaja terhad dalam keluarga, tetapi mereka adalah **agen perubahan yang mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan.** Di luar bandar, wanita adalah penggerak utama dalam sektor pertanian, pendidikan, kesihatan, dan keusahawanan.

⬆★ Hari ini kita tidak lagi bercakap tentang Wanita sebagai **pengikut, tetapi Wanita sebenarnya adalah sebagai pemimpin bersama.** Mereka adalah pemimpin yang tidak dilihat, namun mereka memainkan peranan yang sangat penting dalam kemajuan komuniti mereka.

9. Sebagai seorang pemimpin, saya percaya bahawa untuk membina desa yang progresif, kita perlu memastikan wanita memainkan peranan yang lebih besar

dalam semua sektor. Kita tidak boleh mengabaikan potensi besar yang ada pada wanita luar bandar, sebaliknya kita perlu memberi mereka ruang dan peluang untuk berkembang, berkongsi idea, dan menjadi pembuat keputusan dalam pembangunan desa.

MEMPERKASA WANITA SECARA INKLUSIF

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. **Tema "Wanita Inklusif"** yang diangkat pada seminar kali ini bermakna **memberi ruang kepada semua wanita tanpa mengira latar belakang** mereka, sama ada mereka tinggal di kawasan pedalaman, suri rumah, bekerja di ladang, atau menjadi

usahawan kecil. Ia bukan sahaja melibatkan integrasi wanita dalam pelbagai bidang kehidupan, tetapi juga **memberi mereka akses kepada sumber-sumber yang dapat meningkatkan kualiti hidup mereka.** Ini termasuklah akses kepada pendidikan, latihan kemahiran, sokongan kewangan, dan platform untuk memperkenalkan produk mereka ke pasaran yang lebih luas. Kita harus **memastikan bahawa tiada wanita luar bandar yang tercicir dalam pembangunan negara** hanya disebabkan menghadapi cabaran geografi atau kekurangan akses.

HARAPAN: MEMBINA DESA PROGRESIF MELALUI KEPIMPINAN WANITA

Puan-puan,

11. Seminar ini adalah platform yang sangat baik untuk kita semua berkumpul, berkongsi pengetahuan, dan belajar antara satu sama lain. Saya amat **mengharapkan** kita semua **menyemai semangat kepimpinan** yang proaktif dan penuh visi. Sebab, kita semua mampu memimpin pembangunan desa ke arah yang lebih progresif. Saya juga percaya bahawa anda semua mampu mencipta peluang ekonomi baru, memperkenalkan teknologi moden dalam perniagaan, dan meningkatkan taraf hidup keluarga anda.

12. Dalam pada itu, saya juga ingin mengajak semua yang ada dalam dewan ini untuk **memperkukuh jalinan kerjasama, bertukar idea, dan memberikan sokongan** antara satu sama lain. Kita mempunyai potensi yang besar untuk memajukan desa jika kita berganding bahu. Saya yakin, dengan semangat yang ada dalam kalangan wanita luar bandar, kita dapat merealisasikan sebuah desa yang bukan sahaja progresif, tetapi juga inklusif.

PENUTUP: WANITA LUAR BANDAR ADALAH TONGGAK UTAMA BAGI MEWUJUDKAN DESA YANG PROGRESIF

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. Dalam masa yang sama, kita kini berada dalam suasana sambutan Bulan Kemerdekaan. Tahun ini, kita **menyambut Hari Kebangsaan** dengan **tema "Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni".** Tema ini menuntut kita semua agar terus memperjuangkan nilai kasih sayang, hormat-menghormati, dan keterangkuman sebagai asas perpaduan negara. Gabungan kedua-dua tema sambutan Hari Kebangsaan dan Seminar Kepimpinan Wanita Luar Bandar 2025 membawa mesej yang cukup bermakna bahawa **kejayaan Malaysia MADANI tidak akan tercapai tanpa peranan wanita, khususnya wanita luar bandar yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan desa yang lebih inklusif, progresif, dan sejahtera.**

14. Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta dan saya menyeru agar semua peserta seminar mengambil peluang ini untuk **menimba ilmu, bertukar pandangan,** dan **membina jaringan** yang mana dapat memberi manfaat jangka panjang kepada komuniti luar bandar.

⬆★*"Success is no accident. It is hard work, perseverance, learning, studying, sacrifice, and most of all, love of what you are doing…"*

(Yang membawa maksud **“Kejayaan bukanlah suatu kebetulan. Ia adalah hasil daripada kerja keras, ketekunan, pembelajaran, pengajian, pengorbanan, dan yang paling penting, kecintaan terhadap apa yang anda lakukan”**)

15. Anda semua adalah tonggak kepada kemajuan desa, Semoga seminar ini dapat memberikan ilmu yang berguna, memperkasakan lagi kepimpinan wanita, dan membawa perubahan positif kepada masyarakat luar bandar yang berdaya tahan.

16. Dan ingatlah, **kepimpinan wanita bukan sekadar slogan, tetapi sebuah tanggungjawab dan amanah untuk membina desa yang makmur, sejahtera, dan berdaya maju.** Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan **Seminar Kepimpinan Wanita Luar Bandar 2025** dengan rasminya.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG
Timbalan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah
28 Ogos 2025